

SERAMIK UNTUK SENI TAMAN

NAMA PKNGARANG

NORFATZA BINTI ABD. RAHMAN

NO METRIK

92099702

Tesis ini di kemukakan kepada kajian Seni Lukis & Seni Reka Institut Teknologi Mara sebagai memenuhi sebahagian daripada keprtuan Diploma Seni Lukis dan Seni Reka

1. Diperiksa oleh:.....Tarikh:.....
2. Diperiksa oleh:.....Tarikh:.....

Dekan

Kajian Seni Lukis & Seni Reka

Institut Teknologi Mara

40450 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

PENGHARGAAN

B ismi 11 ahirrahmanirahhim....
Assalamualaikum.....

Alhanidulilah dengan lzin Allah terpancar segalanur limpah kurnianya, dengan keizinannya, maka adalah tanggungjawab sayamembuat penulisan tests bagi memenuhi kepuasan diri dalara pengalaman bam dan memenuhi syarat untuk mendapat Diploma Kajian Seni Lukis & Seni Reka

Ucapan **jutaan** terimakasih kepada semua penyarah yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat di sepanjang persiapan tesis saya ini. Jutaan terima kasih ini juga khas saya tujuan kepada Encik Abdul Rahim bin Jalil, selaku Ketua Kursus dan bertindak sebagai (penasihat pertama) dan Encik Kamarudin bin Kamsah, selaku (penasihat kedua). Tidak ketinggalan juga ucapan ini saya tujuan kepada keluarga saya, temtamanya ibu saya , yang telah banyak membantu sepjti dorongan kepada saya Kepada sahabat handai yang telah banyak membantu seperti Encik Afandy bin Mat Zain kerana telah banyak memberi tunjuk ajar dan memberi sokongan di sepanjang pengajian saya di 1TM.

Saya juga ingin merakamkam jutaan terima kasih kepada mana-mana pihak yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan kerjasama secara iangsung ataupun tidak dalam menyiapkan tesis saya ini. Hanya Allah sahajayang dapat membalas jasabaik anda semua

Sekian Terima Kasih,

NORtFAEA BINTI ABD. RAHMAN

DIP SENIREKA SERAMIK
INSTITUT TEKNOLOGI MARA,
40450 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN,

Kaedah

Berbagai-bagai kaedah yang telah saya gunakan bagi mendapatkan maklumat untuk tesis ini, setiap kaedah ini mempunyai kelebihan dan segi kekurangannya. Kaedah yang saya gunakan adalah seperti berikut :-

Melalui Rujukan (Pengumpulan Data)

Apa yang dikenalkan dengan Rujukan, adalah melalui buku-buku rujukan, yang terdapat di Perpustakaan Negara, Balai Seni Negara, Perpustakaan Pengatatan, Perpustakaan Shah Alam dan banyak lagi. Melalui rujukan ini saya mendapat begitu banyak maklumat berbanding dengan kaedah lain.

Setiap tempat saya membuat rujukan adalah berbeza dari segi maklumat yang saya dapat. Ini membantukan saya membuat penilaian yang tersendiri tentang apa yang saya mahukan iaitu berkenaan dengan tesis saya ini. Di dalam buku-buku rujukan begitu banyak maklumat yang dipaparkan dan maklumat itu adalah asas dalam isi kandungan tesis saya ini.

Temubual (wawancara)

Selain daripada pengumpulan data, dan melalui rujukan di tempat-tempat yang mempunyai maklumat, saya juga ada membuat temuduga dengan beberapa orang seni agar memberi pendapat tentang seni hiasan taman dan menjadikan seramik sebagai media hiasan taman.

Dan temubual ini saya juga secara tidak langsung mengetahui pandangan atau pendapat orang ramai tentang seni hiasan taman ini. Kebanyakannya memberi pendapat yang membina dan menyokong seramik dijadikan media hiasan taman.

Mereka yang memberi pendapat adalah seperti Encik Afandi bin Mat Zin. Iaitu Product Designer, Royal Seiangor (Diploma Art And Design/Fine Art). Manakala seorang lagi adalah Miss Loo Yoon Ho (Linda Loo). Beliau merupakan seorang yang telah berkecimpung dalam bidang seramik.

Setiap daripadanya memberi pendapat agar berbeza diantara satu dengan yang lain, Namun mempunyai matlamat yang sama iaitu masih mahu mengekalkan nilai-nilai estetik dalam seni hiasan taman dengan menjadikan seramik sebagai media hiasan taman.

Pemerhatian

Pemerhatian yang terdapat di sekeliling kita, juga dapat memberikan maklumat yang secara tidak langsung. Di sini iaitu melalui pemerhatian saya dapat memberi gambaran tentang perkembangan seramik sebagai media hiasan taman di Malaysia. Tidaklah begitu ketara sebagaimana yang terdapat di negara Jepun atau di negara barat.

Ini jelas memberi gambaran pada saya tentang perkembangan yang terdapat di sekeliling kita. Pemerhatian ini haruslah disertakan dengan pandangan dan pendapat kita sendiri disamping mencari punca-puncanya tentang perkembangan seramik di Malaysia.

-LIAHAI LA/PIRAU SLIDE

- I. Lampiran Slide 1 ; Menujukan terdapat kesatuan dalam seni hiasan taraan.'Zaini Zaintiddin'(Anjung Seri) 1990.
- 2.Lampiran Slide 2 : Menujukkan Keseirabangan.
'Mandy Nolan* (interiors) 1995.
3. Lampiran Slide 3 :Klasifikasi seni taman Outdoor'
'Albert'(Home and Liring) 1994.
4. Lampiran Slide 4 ; Ruang Luar/ Garden
'Albert' (Home and Liring) 1994.
5. Lampiran Slide 5 s Mentiinkan perancangan elemen senilajadid dengan
ceramik dalam rekabentuk seni taman.
6. Lampiran Slide 6» Contoh taman yang terdapat di Malaysia.
7. Lampiran Slide 7 * Contoh taman mini dalam seni hiasan dalaman.
- 8.Lampiran Slide 8: Contoh objek seramik yang sering terdapat dalam
seni hiasan taraan.
9. Lampiran Slide 9 : Contoh taman yang mengamati prinsip rekabentuk
dengan mengabungkan jasad seramik.
- 10.Lampiran Slide 10: Satu taman dirama seramik sebagai Fokus Utama
(Tumpuan).
- II. Lampiran Slide 11t Taman asal diSeri Desa Permai (Taman Seri Gombak).
12. Lampiran Slide 12» Taman yang dicadangkan di Seri Desa Permai
(Taman Seri Gombak).

Bab I

1.1 Definisi Seni Secara Umum

"Seni melambangkan aspek batiniah manusia yang subjektif. Segala bentuk perlambangan memerlukan usaha yang hakiki untuk mencipta kata-kata dan bahasa yang boleh melahirkan dan menampakkan aspek batiniah itu dengan memberikan bentuk yang konkrit lagi umum kepada emosi-perasaan dan kesadaran tentang makna dan nilai hidup....." 1

Sebuah rangkaian kata yang mengandung seribu pengertian tentang seni yang tuah dikemukakan oleh Iman Al-Ghazali.

Sebenarnya seni dan seniman adalah berkait rapat. Seniman bertanggungjawab untuk menghasilkan karya seni. Untuk itu secara amnya seniman perlu dilengkapi dengan pengetahuan yang luas, khususnya dalam bahas tampak iaitu bidang seni yang menjadi motif utama

1) Petikan catalog pameran seni hilia dan sent lekat, pameran Tamaddun Islam, 1934 B.S.N.K.L.